

## **Tatacara Perolehan Peralatan ICT Di Peringkat Sekolah (Bagi Perolehan Kurang Daripada RM50,000 Setahun)**

### **1. Tujuan**

- 1.1 Tatacara ini bertujuan memberi garis panduan kepada sekolah-sekolah harian Wilayah Persekutuan dalam membuat perolehan peralatan ICT.

### **2. Latar Belakang**

- 2.1 Selaras dengan penggabungan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), maka **Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2014 - Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia** dikeluarkan untuk menyelaraskan dan mempertimbangkan kelulusan teknikal bagi perolehan ICT di peringkat KPM. Jawatankuasa Pemandu ICT JPN (JPICT JPN) ditubuhkan adalah untuk menimbang dan meluluskan perolehan ICT sekolah-sekolah harian dengan had nilai perolehan sehingga RM50,000.00 setahun. Jawatankuasa ini wujud melalui **Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2014 – Tadbir Urus Jawatankuasa ICT KPM** bertarikh 10 Februari 2014. **Surat Pekeliling ICT KPM Bil. 1 Tahun 2014 - Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT Bahagian Jabatan/Agensi dan Badan Berkanun Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia** disediakan bagi menggantikan Surat Pekeliling ICT Bil. 2 Tahun 2009 - **Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Inisiatif ICT Bahagian dan Agensi di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia** yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 8 Jun 2009. Ia diperjelaskan juga melalui surat KP.BTMK(S)1/07/001/01 Jld. 15 (1) bertarikh 29 Oktober 2007 - Kuasa Menimbang Dan Melulus Perolehan ICT Agensi Di Bawah Jabatan Pendidikan Negeri.
- 2.2 JPICT JPN dipengerusikan oleh Pengarah dan diurusetikan oleh Sektor Pengurusan Maklumat JPWPKL bagi menimbang dan memberi kelulusan bagi perolehan peralatan ICT sekolah-sekolah harian Wilayah Persekutuan.

### **3. Peraturan Perolehan**

#### **3.1 Peruntukan**

Sekolah hendaklah menggunakan peruntukan sendiri seperti yang dibenarkan dalam pekeliling yang sedang berkuatkuasa. Sekolah hendaklah mematuhi Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun

2010 – Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Kepada Sekolah Berdasarkan Per Kapita Murid. Semua penggunaan peruntukan perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal Jabatan/Unit Akaun JPWPKL.

### **3.2 Kuasa Yang Melulus**

Perolehan peralatan ICT perlu mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berikut:

- a. Sekolah - sekolah harian diselaraskan oleh Sektor Pengurusan Maklumat, Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan
- b. Sekolah Teknik dan Vokasional diselaraskan oleh Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
- c. Sekolah Berasrama Penuh diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan.
- d. Sekolah Sukan diselaraskan oleh Bahagian Sukan.
- e. Sekolah Khas diselaraskan oleh Bahagian Pendidikan Khas
- f. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama diselaraskan oleh Bahagian Pendidikan Islam.

### **3.3 Kontrak Pusat**

Bekalan yang terdapat dalam kontrak pusat bagi peralatan ICT hendaklah dibeli terus daripada pembekal yang disenaraikan dalam kontrak pusat tersebut. Bagi peralatan ICT yang tiada dalam kontrak pusat, maka pihak sekolah boleh membuat perolehan daripada syarikat luar.

### **3.4 Borang Permohonan**

Permohonan perolehan peralatan ICT sekolah MESTILAH menggunakan Borang JPICT/JPN dan perlu dikemukakan kepada Urus Setia JPICT JPWPKL beserta salinan kelulusan penggunaan kewangan dari Unit Akaun dan sebut harga bagi peralatan ICT yang hendak dibeli. Borang ini boleh dimuat turun dari portal JPWPKL (<http://jpwpk1.moe.gov.my>).  
› Muat Turun › Borang-Borang / Garis Panduan › Perolehan dan Pengurusan Aset .

### **3.5 Tempoh Sah Laku**

Tempoh sah laku kelulusan teknikal perolehan ICT yang dikeluarkan oleh JPICT JPWPKL adalah tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan.

### **3.6 Spesifikasi Peralatan**

3.6.1 Peralatan ICT yang dibeli hendaklah menyokong IPV6 seperti dalam garis Panduan Transisi Protokol Internet Versi 6 (IPV6) Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU bertarikh 4 Januari 2010.

3.6.2 Peralatan ICT hendaklah boleh menyokong teknologi hijau seperti dalam Garis Panduan Penggunaan ICT Ke Arah ICT Hijau Dalam Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU bertarikh 3 Ogos 2010.

### 3.7 Jenis Skop Perolehan ICT Yang Memerlukan Kelulusan Teknikal

Jenis-jenis skop perolehan ICT yang perlu mendapatkan kelulusan JPICIT JPWPKL adalah seperti berikut:

- 3.7.1 Pembangunan sistem aplikasi yang menggunakan perisian pembangunan atau pun pakej sedia ada (*off-the-shelf*) untuk kegunaan tertentu dan seumpamanya (contoh: Sistem Perakaunan, Sistem Personel, Sistem Pengurusan Inventori).
- 3.7.2 Perkakasan komputer yang merangkumi semua jenis alat-alat input atau output (contoh: pencetak, pengimbas), pemprosesan, storan data, peralatan rangkaian dan multimedia (contoh: *video conferencing*) kecuali alat-alat seperti komponen alat ganti, barang pakai habis (*consumable item*), aksesori dan perabot komputer.
- 3.7.3 Perisian komputer yang merangkumi semua jenis perisian sistem (yang merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem) dan perisian aplikasi (yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian).
- 3.7.4 Perkhidmatan ICT yang merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperolehi daripada syarikat-syarikat luar. Di antara contoh perkhidmatan teknikal ialah:
  - i. Pembangunan sistem
  - ii. Pemasangan sistem
  - iii. Intrastruktur rangkaian
  - iv. Talian Internet
  - v. *Web hosting*
  - vi. Kemasukan data
  - vii. Pemindahan data
  - viii. Migrasi system Pemulihan data
  - ix. Langganan maklumat dalam talian dan seumpamanya.
- 3.7.5 Peningkatan sistem bermaksud mempertingkatkan keupayaan perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi atau perkhidmatan ICT.
- 3.7.6 Pertambahan peralatan bermaksud menambahkan bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian atau rangkaian bagi inisiatif ICT sedia ada.
- 3.7.7 Perluasan sistem bermaksud memperkembangkan pelaksanaan inisiatif ICT daripada lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun kedua-duanya sekali.
- 3.7.8 Perolehan perisian bagi produk Microsoft boleh diperolehi daripada Pestariang System Sdn Bhd, 70-73 NeoCyber, Lingkaran Cyber Point Barat, 63000 Cyberjaya, Selangor. (No. telefon 03- 83148400).

### **3.8 Tindakan Setelah Perolehan**


Setelah perolehan ICT dibuat, pihak sekolah dikehendaki menghantar salinan invois dan salinan kad KEW.PA-2/ KEW.PA-3 kepada Urus Setia JPICT JPWPKL.

### **3.9 Meja Bantuan**


Sebarang pertanyaan mengenai perolehan ICT, boleh menghubungi Urus Setia JPICT JPWPKL di talian 03-62036019.

#### 4. Carta Alir Bagi Permohonan Kelulusan JPICT

##### a. Permohonan kurang dari RM50,000.00



**b. Permohonan lebih dari RM50,000.00**



## **5. Penutup**

Tatacara ini diharap dapat membantu pihak sekolah dalam menguruskan perolehan ICT menggunakan peruntukan sekolah agar perolehan dibuat mengikut prosedur.

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Pemandu ICT JPWPKL

Sektor Pengurusan Maklumat

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur.

**PERMOHONAN PEROLEHAN PERALATAN ICT SEKOLAH  
JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

**A. MAKLUMAT SEKOLAH DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI**

1.	Kod Sekolah	
2.	Nama Sekolah	
3.	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	
4.	No. Tel (Pej & Hp)	
5.	No. Faks	
6.	Alamat Emel	

**B. MAKLUMAT PERMOHONAN**

(Sekiranya punca kewangan menggunakan peruntukan dari akaun sekolah, sila lampirkan surat kelulusan Unit Akaun penggunaan akaun tersebut)

7.	Tujuan Permohonan	
8.	Anggaran Kos (RM)	
9.	Sumber Peruntukan	

**C. MAKLUMAT PERALATAN/PERISIAN ICT YANG DIPOHON**

Bil	Perkara	Kuantiti	Kos Seunit (RM)	Jumlah (RM)	Justifikasi
	<b>PERKAKASAN</b>				
i.					
ii.					
iii.					
	<b>JUMLAH</b>				
	<b>PERISIAN</b>				
i.					
ii.					
iii.					
	<b>JUMLAH</b>				



**D. MAKLUMAT PERALATAN/PERISIAN ICT YANG SEDIA ADA**

Bil	Perkara	Kuantiti	Kos Seunit (RM)	Jumlah (RM)	Justifikasi
	<b>PERKAKASAN</b>				
i.					
ii.					
iii.					
	<b>PERISIAN</b>				
i.					
ii.					
iii.					

**E. PERAKUAN PENGETUA / GURU BESAR**


---



---


Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Cop :

**\*Sila kemukakan borang ini kepada Sektor Pengurusan Maklumat (ICT), Urus Setia JPICT, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**



**SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT (ICT)  
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELULUSAN JPICT  
JPWPKL BAGI PEROLEHAN PERALATAN ICT SEKOLAH**

Kod Sekolah : \_\_\_\_\_

Sekolah : \_\_\_\_\_

Perkara	Sila Tandakan (/)
Surat Iringan Sekolah	
Borang Permohonan JPICT/JPN	
Salinan Surat Kelulusan Menggunakan Wang Akaun Sekolah dari Unit Akaun JPWPKL.	
Sebut Harga Peralatan / Perisian	

----- **Bahagian Urus Setia JPICT JPWPKL** -----

Tarikh Terima Permohonan : \_\_\_\_\_

Dokumen Permohonan :  Lengkap  Tidak Lengkap

Ulasan Urus Setia : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_